

PR1MA KEKAL KOMITED JALANKAN MANDAT MEMBINA RUMAH MAMPU MILIK DALAM JANGKA MASA TERBAIK

Sesi libat urus bersama pembeli akan terus dijalankan untuk memberikan informasi terkini status pembinaan projek

Kuala Lumpur -- Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) akan meneruskan komitmen dan aspirasi yang telah diamanahkan oleh kerajaan dalam memastikan agenda untuk membina lebih banyak rumah mampu milik terutamanya untuk golongan M40 terus didokong penuh.

Sebagai pemaju terbesar bagi perumahan mampu milik di Malaysia, PR1MA akui bahawa telah berhadapan dengan pelbagai masalah terutamanya dalam isu kelewatan dalam menyiapkan rumah kepada pembeli. Dalam menyelesaikan kegusaran yang timbul, PR1MA telah menjalankan sesi libat urus bersama pembeli untuk membincangkan jalan penyelesaian terbaik disamping memberikan maklumat secara bersemuka secara telus.

Pengerusi PR1MA, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim berkata sesi libat urus ini adalah antara inisiatif pihak kepimpinan PR1MA untuk mendengar keluhan dan keimbangan pembeli dalam isu berbangkit. "Saya memahami bahawa mereka gusar akan status projek kediaman mereka terutamanya mereka yang melihatnya setiap hari dalam perjalanan ke tempat kerja. Tetapi, yakinlah bahawa kami di PR1MA sedang berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan kesemua masalah berbangkit."

"PR1MA merupakan agensi yang telah diamanahkan oleh pihak kerajaan dalam menangani permasalahan perumahan mampu milik dalam kalangan M40. Bagi tahun ini dan pada masa akan datang, kami akan berusaha untuk menyelesaikan semua projek yang menghadapi masalah dan pada masa yang sama, pihak pembeli akan dikemaskini mengenai status terkini projek dari semasa ke semasa."

Untuk pengetahuan, pihak PR1MA juga telah menjalankan sesi libat urus bersama wakil pembeli Residensi Melaka Tengah 2 serta Port Dickson minggu lalu untuk memberi pencerahan tentang status projek pembinaan kediaman mereka dengan lebih lanjut.

Semasa pertemuan tersebut, pihak PR1MA telah memberikan komitmen kepada para pembeli bahawa projek kediaman mereka akan diteruskan dan disiapkan secepat mungkin mengikut garis masa pembinaan baharu yang diberikan. Pada pertemuan itu juga, PR1MA telah menjelaskan kepada para pembeli mengenai cabaran dan masalah yang dihadapi di tapak pembinaan dan usaha PR1MA untuk mengatasinya.

Sehingga kini, PR1MA telah dan sedang membangunkan sebanyak 62 projek dengan jumlah unit sebanyak 52,763 unit kediaman diseluruh negara. Daripada jumlah itu, 30 projek telah siap dibina merangkumi 23,102 unit kediaman, 30 projek lagi dalam fasa pembangunan yang meliputi 22,241 unit kediaman manakala dua projek lagi kini dalam fasa perancangan.

Bagi usaha masa hadapan pula, Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA Datuk Haji Mohd Nazri bin Md Shariff berkata untuk tahun 2021, PR1MA menyasarkan untuk menyiapkan 10,000 unit rumah daripada 14 projek yang sedang dijalankan di seluruh Malaysia. PR1MA juga akan meneruskan kira-kira 20 projek yang sebelum ini telah dihentikan berdasarkan permintaan pasaran seperti yang telah diumumkan.

“PR1MA telah menjalani transformasi dan kini dalam fasa membina organisasi ini ke tahap yang lebih baik, terutamanya dari perancangan struktur dan operasi yang strategik. Meskipun mengalami beberapa cabaran dalam industri ini, saya berharap pihak pembeli dapat bersabar sementara kami menyelesaikan segalanya. Harus saya tekankan bahawa PR1MA merupakan projek nasional dan merupakan satu model kerjasama yang baik antara orang awam dan kerajaan dalam menyokong satu sama lain.” katanya.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari lawan sesawang PR1MA di www.pr1ma.my atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada cuti umum di Negeri Selangor) atau e-emel kepada info@pr1ma.my.

-TAMAT-